



# MENANGI HADIAH WANG TUNAI!

berjumlah

## RM 20,007

Melabur dalam  
**UNIT AMANAH**

Aset industri bernilai  
**RM146 bilion\***  
11 juta akaun  
...dan bertambah

\*Jun 2007

Penilaian simpanan dahulu tidak akan menentukan penilaian di masa hadapan. Nilai unit kepunyaan anda mungkin akan turun dan naik.

# Baca & MENANG

### HADIAH MINGGUAN

Pertama @ RM505 – Kedua @ RM303 – Ketiga @ RM101

### HADIAH UTAMA

Pertama @ RM5,055 – Kedua @ RM3,033 – Ketiga @ RM1,011

## MINGGU 4 Memahami Risiko Melabur di dalam Unit Amanah

Setiap pelaburan mempunyai risiko. Pulangan daripada simpanan tetap juga mempunyai risiko inflasi. Secara amnya tabung ekuiti lebih berisiko berbanding tabung bon manakala risiko tabung terimbang terletak di pertengahan.

Sebahagian besar risiko bagi tabung bon adalah risiko inflasi (pulangan kurang disebabkan oleh inflasi), risiko kadar faedah (tabung bon menjadi kurang menarik apabila kadar faedah naik) dan risiko kredit (pemberi bon mungkin gagal membuat pembayaran balik untuk bon). Risiko-risiko bagi tabung ekuiti termasuklah risiko pasaran (ekuiti cenderung kepada keadaan pasaran yang berubah-ubah), risiko aliran (urusan dagang mungkin dihadkan oleh kekurangan jumlah niaga di pasaran). Tabung sebarang laut juga mempunyai risiko matawang (kehilangan matawang apabila nilai matawang asing jatuh berbanding matawang tempatan) dan risiko politik (pelaburan asing dipengaruhi oleh perubahan negatif dalam politik negara)

Sebelum melabur, para pelabur haruslah menilai toleransi mereka terhadap risiko. Seorang remaja mungkin mahu risiko yang lebih tinggi dan oleh itu akan memilih tabung ekuiti berbanding seseorang yang hampir bersara. Secara amnya, semakin tinggi risiko yang sanggup diambil oleh seseorang pelabur, semakin tinggi pulangan yang dijangkakan. Para pelabur juga harus kerap mengkaji semula toleransi mereka terhadap risiko oleh kerana perubahan keadaan seperti berkahwin boleh mengubah penerimaan risiko seseorang.

## MINGGU 4 Borang Penyertaan. Lengkapkan soalan dengan tepat dan menangi hadiah WANG TUNAI!!!

**1** Anda harus mempertimbangkan yang berikut sebelum melabur di dalam mana-mana tabung **KECUALI**

- A. menentukan tahap risiko yang boleh anda terima
- B. menentukan matlamat pelaburan anda
- C. menentukan bila anda mahu meraih RM1 juta anda yang pertama

**2** Kadar toleransi terhadap risiko bergantung kepada faktor-faktor berikut **KECUALI**

- A. umur dan had jangkamasa pelaburan
- B. objektif pelaburan
- C. kadar lazim simpanan bank

**3** Apabila ada perubahan di dalam gaya hidup anda harus \_\_\_\_\_.

- A. mengkaji semula toleransi anda terhadap risiko
- B. memindahkan kesemua pelaburan anda dalam simpanan tetap
- C. meminjam wang untuk pelaburan di dalam unit amanah

### Butir-Butir Peserta

Nama : \_\_\_\_\_ (mengikut K/P)

Umur : \_\_\_\_ No.KP : \_\_\_\_\_ (Baru)

Alamat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Untuk dihubungi : \_\_\_\_\_ (rumah)

\_\_\_\_\_ (pejabat)

\_\_\_\_\_ (t/bimbit)

Stesen radio yang saya gemari ialah:

- Mix fm  My fm  Era fm
- Lite fm  98.8 fm  Sinar fm

### Syarat-syarat & Peraturan Peraduan

1. Tempoh peraduan bermula dari 3 September 2007 hingga 26 November 2007 dan ianya adalah anjuran Persekutuan Pengurus-Pengurus Unit Amanah Malaysia (FMUTM).
2. Penyertaan adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas kecuali kakitangan FMUTM, Syarikat Pengurusan Unit Amanah (UTMC), Agen Unit Amanah Berinstitusi (UTA), Mereka yang berurusan dengan Unit Amanah (PDUT), Agensi pengiklanan atau promosi dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka.
3. Peserta dikehendaki menandakan  pada jawapan yang betul.
  - a) **UNTUK HADIAH MINGGUAN** > Hantarkan jawapan yang lengkap dalam masa 7 hari tidak termasuk hari peraduan di iklan.
  - b) **UNTUK HADIAH UTAMA** > Kumpul dan hantarkan kesemua 12 borang penyertaan sebelum 26 November 2007. Peserta yang telah menghantar 12 borang penyertaan pada setiap minggu juga akan layak untuk memenangi hadiah utama terlekat pada para 5 and para 6(b).
4. Salinan fotostat borang penyertaan juga diterima dan peserta digalakkan untuk menghantar sebarang banyak penyertaan.
5. Setiap peserta hanya akan memenangi satu hadiah sahaja.
6. Pengadil adalah seperti berikut:
  - a) **PEMENANG MINGGUAN** > hanya layak kepada penyertaan yang mempunyai jawapan yang betul kesemuanya kemudian diberi satu nombor berseri. Pemilihan akan dibuat

berdasarkan jumlah penyertaan yang layak pada minggu tersebut dan kemudian akan dibahagi tiga (jumlah hadiah mingguan).

Contoh : Sebanyak 20,007 penyertaan diterima tetapi hanya 2,077 penyertaan yang mempunyai jawapan yang betul kesemuanya. Oleh itu hanya 2,077 penyertaan yang akan diberi nombor berseri. Formula > 2,077 ÷ 3 = 692.33.

Ini bermakna hadiah pertama akan dimenangi oleh penyertaan yang nombor berserinya 692, hadiah kedua kepada nombor berseri 1,384 (692 x 2) dan hadiah ketiga kepada nombor berseri 2,076 (692 x 3).

b) **PEMENANG HADIAH UTAMA** > hanya layak kepada penyertaan yang mempunyai jawapan yang betul kesemuanya untuk 12 minggu berturut-turut. Cara pemilihan adalah sama seperti pemilihan pemenang mingguan.

7. Penyertaan yang lengkap hendaklah dihantar ke:
 

**The "Invest in Unit Trusts" Contest - Minggu 4**  
Federation of Malaysian Unit Trust Managers  
19-07-3, 7th Floor, PNB Damansara  
No. 19, Lorong Dungan  
Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur